BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Januari 2025

Inflasi keseluruhan kekal stabil pada bulan Januari

Sumbangan kepada inflasi



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

[2] Termasuk RON97 dan kereta.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Januari, inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.7% (Disember 2024: 1.7%) manakala inflasi teras meningkat kepada 1.8% (Disember 2024: 1.6%).
- Dari segi komponen, terdapat tekanan inflasi yang lebih tinggi untuk pengangkutan,[2] pembaikan dan penyelenggaraan untuk kediaman, serta perubahan harga bermusim untuk ikan dan makanan laut lain.
- Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah untuk pembentungan dan sayur-sayuran.

Pertumbuhan eksport dan import sederhana pada bulan Januari

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Import Malaysia Mengikut Kegunaan Akhir



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE)

- Pertumbuhan eksport menurun kepada 0.3% (Disember 2024: 16.9%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan eksport bukan E&E, khususnya produk petroleum. Walau bagaimanapun, segmen E&E terus berkembang kukuh (14.8%; Disember 2024: 27.9%).
- Import meningkat sebanyak 6.2% (Disember 2024: 11.9%), didorong terutamanya oleh import barangan modal yang kukuh (45.9%; Disember 2024: 41.3%).
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport pada tahun 2025 dijangka kekal stabil dengan disokong oleh permintaan luaran yang mampan dan peningkatan kitaran teknologi global. Walau bagaimanapun, terdapat risiko pertumbuhan eksport menjadi perlahan yang berpunca daripada situasi perdagangan yang semakin tegang.

Sorotan Bulanan
Januari 2025

Pertumbuhan kredit yang mampan kepada sektor swasta bukan kewangan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan



[1] Terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman, harta tanah kediaman bagi kegunaan perniagaan, aset tetap, serta aktiviti pembinaan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 5.3% pada akhir bulan Januari 2025 (Disember 2024: 5.2%), berikutan pertumbuhan yang stabil bagi pinjaman terkumpul (5.7%; Disember 2024: 5.6%) dan bon korporat (3.6%; Disember 2024: 3.5%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan kekal mampan pada 5.2% (Disember 2024: 5.1%). Hal ini disokong oleh pertumbuhan pinjaman modal kerja yang lebih tinggi, manakala pertumbuhan pinjaman untuk tujuan pelaburan[1] menjadi sederhana, terutamanya dalam kalangan bukan PKS. Bagi PKS, pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal kukuh pada 8.3% (Disember 2024: 8.1%).
- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal stabil pada 6% (Disember 2024: 5.9%), dengan pertumbuhan mampan secara amnya bagi kebanyakan tujuan pinjaman.

Kedudukan mudah tunai sistem perbankan kekal kukuh untuk menyokong pengantaraan kewangan

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 157% (Disember 2024: 160.7%).
- Agregat nisbah pinjaman kepada dana secara amnya kekal stabil pada 83.4% (Disember 2024: 83.2%).

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Kualiti Aset Sistem Perbankan



[1] Awalan
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar meningkat sedikit kepada 1.5% (Disember 2024: 1.4%) namun nisbah pinjaman terjejas bersih kekal stabil pada 0.9%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada tahap berhemat sebanyak 128.6%[1] daripada pinjaman terjejas (Disember 2024: 129%).

Pautan Jadual Statistik Bulanan BNM

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan dalam keadaan perkembangan berhubung dengan dasar ekonomi dan monetari Amerika Syarikat

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Januari 2025



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur
* Negara serantau terdiri daripada: Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan global dipengaruhi oleh jangkaan mengenai dasar ekonomi Amerika Syarikat (AS) di bawah pentadbiran baharu dan trajektori dasar monetari Federal Reserve AS (Fed). Semasa mesyuarat pada bulan Januari, Fed mengekalkan kadar dasar pada 4.25%-4.5%, serta mengisyaratkan penurunan kadar yang berkurang pada tahun 2025 di samping semakan menaik bagi unjuran inflasi dan pertumbuhan AS.
- Meskipun begitu, ringgit menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dolar AS, sejajar dengan pergerakan mata wang serantau yang lain (purata*: 0.3%). Sementara itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysia Government Securities, MGS) 10 tahun kekal stabil secara amnya (-1.0 mata asas).
- FBM KLCI pula menurun sebanyak 5.2% berikutan aliran keluar bersih ekuiti asing. Keadaan ini didorong terutamanya oleh penjualan saham yang berkaitan dengan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan pusat data.